

## Inovasi katil berdiri rawatan fisioterapi menang anugerah

[Samadi Ahmad](#) - Mac 26, 2021 @ 4:22pm



Pasukan dari Hospital Tengku Anis Pasir Puteh, Kelantan yang diwakili Pengarah Hospital Tengku Anis Pasir Puteh, Dr Nur Hizulmi Nur Mohamad (kanan) yang menerima Anugerah Perdana Inovasi 2020 menunjukkan hasil ciptaan katil berdiri untuk rawatan fisioterapi kanak-kanak istimewa pada majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kesihatan di Putrajaya, hari ini. - Foto AIZUDDIN SAAD

PUTRAJAYA: Inovasi 'Katil Berdiri bagi Latihan Fisioterapi (Standing Bed for Physiotherapy Exercise) Hospital Tengku Anis Pasir Puteh, Kelantan meraih Anugerah Perdana Inovasi 2020 Kementerian Kesihatan (KKM) di sini, semalam.

Inovasi dihasilkan enam kakitangan hospital itu berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM20, 000 dan piala pusingan, yang disampaikan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba sempena Sambutan Hari Inovasi 2020 KKM.

Katil inovasi itu direka bagi menyokong pesakit kanak-kanak penghidap palse serebral, spina bifida dan sindrom down yang memerlukan rawatan fisioterapi bagi melatih mereka untuk berdiri.

Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi Hospital Tengku Anis, Norfatanah Abdullah Sani, berkata inisiatif menghasilkan inovasi itu bermula pada 2015 selepas melihat pelbagai kekangan dan ketidakselesaan kepada pesakit yang menerima rawatan fisioterapi menggunakan bola gimnasium sebelum ini.

"Katil ini dapat memberi keselesaan kepada pesakit dan membantu meringankan beban keluarga jika dibandingkan banyak menghadapi kekangan sebelum ini. Ini penting kepada pesakit untuk mengelak komplikasi kesihatan," katanya pada media selepas pada sambutan Hari Inovasi KKM bertemakan 'Budaya Inovasi Pemangkin Kecemerlangan', hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kesihatan 1, Dr Noor Azmi Ghazali, Ketua Pengarah KKM, Tan Sri Noor Hisham Abdullah dan Ketua Setiausaha KKM, Datuk Mohd Shafiq Abdullah.

Selain Nor Fatanah inovasi itu dihasilkan bersama Pegawai Farmasi, Masnor Md Daud dan tiga pembantu tadbir terdiri dari Rosliza Isahak, Zulkifli Yunus dan Nazri Ghazali Azmi.

Norfatanah berkata, katil itu diperbuat daripada daripada bahan keluli yang ringan, kukuh, tahan karat serta sesuai untuk pesakit berusia 10 hingga 18 tahun dengan berat badan sehingga 40 kilogram dengan ketinggian sehingga 160 sentimeter.

"Ia juga mudah digerakkan, boleh dilipat dan mudah dikendalikan oleh seorang pengendali serta mampu dimiliki dengan kos sekitar RM5,000. Inovasi ini memberi kepuasan kepada pesakit dan penjaga kerana ia lebih sistematik, cekap serta selamat," katanya.

Pada majlis itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba turut menyampaikan anugerah kepada pemenang Anugerah Inovasi 2020 kategori produk, perkhidmatan, proses dan teknologi dan Anugerah Khas Inovasi 2020.

Antara penerima anugerah ialah aplikasi MySejahtera yang dibangunkan pasukan Bahagian Kawalan Penyakit KKM dan Specimen Management Information System (SMIS) yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan.

Turut dilancarkan produk komersial 'Hospital Smart Bed', hasil inovasi Shamsul Kamal Mohamad Khair dari Hospital Selama, Perak bertujuan mewujudkan norma baharu budaya prosedur kerja pengimejan diagnostik kes trauma dan kronik dengan mengutamakan 3K iaitu keselamatan, keselesaan dan kesejahteraan pesakit.

Terdahulu, Dr Adham ketika berucap pada majlis itu berkata, KKM juga bekerjasama dengan beberapa agensi penyelidikan dan khidmat teknikal bagi menghasilkan inovasi peralatan terbaru menerusi 'Kolaborasi Strategik Inovasi Kejuruteraan Kesihatan'.

Menerusi kolaborasi itu, katanya, tiga inovasi dihasilkan iaitu prototaip peranti perubahan ventilator menggunakan teknologi 3D, prototaip 'Splitter Kit' ventilator dan Unit Rawatan Rapi Hibrid di lapangan (FHylCU).

Selain itu, Dr Adham juga berkata sebagai pengiktirafan dalam bidang inovasi, Malaysia kini berada di tangga ke-33 dalam Indeks Inovasi Global (GII) 2020 berbanding tangga ke-35 pada 2019 daripada 133 negara.

Di peringkat Asia Pasifik pula, Malaysia berada pada kedudukan kelapan dalam indeks yang dikeluarkan INSEAD, Pertubuhan Hartanah Intelek Dunia (WIPO) yang juga agensi khusus Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Cornell University.

Katanya, beliau dan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah turut dicalonkan sebagai 'Executive Board' untuk mewakili Western Pacific Region Office dalam Persidangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 2021.

"Ini juga satu pengiktirafan dunia kepada KKM di atas sumbangan dan kejayaan kita dalam pelbagai bidang seperti pengurusan pandemik COVID-19, Inovasi Kesihatan Digital, kesihatan mental dan pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCD)," katanya.

KKM juga menerima Anugerah Kesihatan Global (GHA) 2020 dan Anugerah Inovasi Antarabangsa COVID-19 Edisi Khas Malaysia Technology Expo 2020.